



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S).600-18/37/2 (16)
Tarikh : 25 Mei 2022

Puan Kasturi Devi a/p Appanna
Perbadanan Produktiviti Malaysia (Wilayah Utara)
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

Puan,

**TAWARAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF
BAGI KUMPULAN JUNIOR GRED 41-44 DI KOREA SELATAN**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Jabatan ini rujukan JPA(I)S.179/17/2-9 Klt. 4 (20) bertarikh 21 April 2021 berhubung perkara di atas.

2. Seperti puan sedia maklum, **Program Pembangunan Eksekutif (EDP) 2021 Kumpulan Junior Gred 41-44 anjuran National Human Resources Development Institute (NHI), Korea Selatan** yang telah ditawarkan kepada puan merangkumi modul secara dalam talian pada bulan April - Julai dan bersemuka di Korea Selatan pada 4 - 15 Oktober 2021. Walau bagaimanapun, modul bersemuka di Korea Selatan tersebut telah ditangguhkan berikutan penutupan sempadan akibat pandemik Covid-19.

3. Susulan daripada pembukaan semula sempadan dan situasi penularan Covid-19 semakin pulih, sukacita dimaklumkan bahawa modul bersemuka di Korea Selatan tersebut akan dilaksanakan pada **12 - 25 Jun 2022**. Kos penyertaan puan ke modul bersemuka di Korea Selatan ini akan dibiayai oleh Jabatan ini yang melibatkan **yuran kursus, tiket kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Korea Selatan (pergi balik), elaun makan dan elaun pakaian panas (tertakluk kepada tuntutan yang dibuat oleh peserta)**. Elaun, kemudahan dan bayaran selain daripada yang dinyatakan dan layak mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. WP 1.10 boleh dituntut kepada Jabatan puan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan puan.

4. Dalam hubungan ini, puan **bertanggungjawab untuk mengikuti program ini sepenuhnya termasuklah mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini dan institusi tempat berkursus.** Jabatan ini berhak meminda syarat dan peraturan yang berkaitan dengan tawaran program ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis dan puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Satu taklimat persediaan juga akan diadakan pada ketetapan yang akan dimaklumkan semula kelak.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini, puan boleh menghubungi pegawai penyelaras yang terlibat iaitu:

- a) **Encik Muhammad Syafiq bin Azmi**
Telefon : 03-8885 3432
Emel : syafiq.azmi@jpa.gov.my


- b) **Mohd Mohammad Farid bin Shafie**
Telefon : 03-8885 3777
Emel : farid.shafie@jpa.gov.my

6. Kerjasama puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD KAMARUL BIN OTHMAN)

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

s.k.:

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Jalan Sultan, Pjs 52
46200 Petaling Jaya
Selangor